

# Pengarah NFCorp hadapi 4 tuduhan

Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail hadapi tuduhan berasingan melakukan pecah amanah babitkan RM49.7 juta, guna harta syarikat tanpa kebenaran mesyuarat agung

© YONG CHEE CHOONG | BERITA HARIAN

- Pertama - menyalahgunakan RM9,758,140 melalui empat cek CIMB Islamic Bank Bhd, Taman Tun Dr Ismail, antara 1 dan 4 Disember 2009 bagi membiayai sebahagian daripada pembelian dua unit Kondominium One Menerung, B1-1 dan B1-2, Blok B, Bangsar, oleh syarikat dimiliki keluarganya, National Meat & Livestock Corporation Sdn Bhd (NMLC).
- Kedua - menggunakan harta syarikat RM9,758,140 tanpa kebenaran mesyuarat agung syarikat itu bagi tujuan sama untuk NMLC mendapat keuntungan secara langsung.
- Ketiga - menyalahgunakan RM40 juta dengan cara memindahkannya melalui cek ke dalam akaun NMLC di Malayan Banking Berhad, Cawangan Solaris Mont Kiara, bagi kegunaan NMLC.
- Keempat - menggunakan harta syarikat RM40 juta tanpa kebenaran mesyuarat agung syarikat itu dengan memindahkannya melalui cek ke akaun NMLC bagi kegunaan NMLC dan mendapatkan keuntungan secara langsung di bank sama, antara 6 Mei dan 16 November 2009.



► BERITA MUKA 4  
DR Mohamad Salleh (kanan) keluar dari Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, selepas mengaku tidak bersalah atas tuduhan kes pecah amanah, semalam.